Bukit bunuh yang terletak di daerah Lenggong, Perak, merupakan kawasan kesan tinggalan impak meteorit yang berlaku sekitar 1.83 juta tahun dahulu. Kawasan tersebut telah ditemui banyak bukti tapak terbuka Paleolitik yang merupakan bengkel pembuatan alat batu yang *in-situ*. Salah satu tapak terbuka Paleolitik adalah tapak Bukit Bunuh (BBh'10) yang telah dikaji pada tahun 2010. Artifak batu yang ditemui telah dikaji dari segi klasifikasi dan teknologi. Walau bagaimanapun, kajian terperinci terhadap alat repeh dari segi klasifikasi, teknologi dan fungsi tidak dijalankan. Kajian lanjut dengan lebih terperinci perlu dilakukan kerana setengah pengkaji terdahulu menganggap alat repeh di Asia Tenggara adalah bersifat amorfus. Ini demikian kerana alat repeh di Asia Tenggara tidak mengalami peringkat perepehan sehingga ke perapian bentuk. Keadaan ini juga telah menyebabkan setengah pengkaji beranggapan bahawa alat repeh yang bersifat amorfus ini bertujuan untuk menghasilkan alat sekunder seperti buluh. Oleh kerana sifatnya yang amorfus menyebabkan kesukaran untuk menentukan tipologi alat repeh. Maka ada setengah pengkaji yang mencadangkan tipologi alat repeh dibuat berdasarkan kepada fungsi. Maka, bagi menjawab isu tersebut, alat repeh Bukit Bunuh 2010 telah dipilih, di samping melakukan kajian lanjutan ke atas alat repehnya. Bagi melakukan kajian ini maka pendekatan secara bersepadu yang melibatkan metod secara kualitatif dan kuantitatif telah digunakan. Metod kajian

secara kualitatif, melibatkan analisis mikroskop stereo (pembesaran rendah), analisis SEM (pembesaran tinggi), analisis imej, analisis klasifikasi, analisis teknologi perepehan, dan analisis petrografi. Sementara metod secara kuantitatif pula adalah melibatkan pengukuran morfologi, analisis EDX (peraturan komposisi elemen), dan analisis multivariat iaitu analisis pengkelompokan dan analisis faktor. Hasil kajian, menunjukkan klasifikasi alat repeh Bukit Bunuh 2010 (BBh`10) dapat dibahagikan kepada empat jenis alat repeh iaitu jenis bergerigi, berperimping, bertakik dan bertirus berdasarkan kepada atribut morfologi dan teknologi. Ini telah disokong oleh data kuantitatif melalui analisis pengkelompokan. Analisis terhadap teknologi alat repeh secara kualitatif menunjukkan kemungkinan berlakunya penyediaan batu teras untuk hasilkan repehan. Malah kemungkinan masyarakat Paleolitiknya mempunyai pengetahuan tentang pemilihan jenis material batuan yang sesuai untuk dijadikan sebagai alat. Melalui eksperimen kesan guna dan analisis fungsi alat repeh, kemungkinan fungsi alat repeh Bukit Bunuh (BBh`10) telah digunakan untuk menggergaji, meraut, mengikis, menggaris, menghiris dan menggerudi. Oleh itu, kajian alat repeh di Bukit Bunuh 2010 ini telah menyumbangkan data kebudayaan Paleolitik di Asia Tenggara dari segi klasifikasi, teknologi dan fungsi. Selain itu, kajian ini juga turut menyumbang dari segi data eksperimen kesan guna untuk batuan impak. Secara umumnya kajian ini telah memberikan persepsi baru terhadap masyarakat Paleolitik Asia Tenggara tentang tahap pengetahuan teknologi litik dan kemampuan teknologinya sebagai satu alat adaptasi oleh masyarakat nomadik.

CLASSIFICATION AND TECHNOLOGIES OF FLAKE TOOLS FROM BUKIT BUNUH'S IMPACT ROCKS AND THEIR FUNCTIONS THROUGH USEWEAR EXPERIMENT

ABSTRACT

Bukit Bunuh which located in Lenggong, Perak is one of the area with traces of impact meteorite happened around 1.83 million years ago. This area has found evidence of Paleolithic open site which is one of the stone tool workshop *in-situ*. One of the Paleolithic open sites is Bukit Bunuh (BBh10) which has been studied in 2010. Stone artifacts were found and studied in terms of its classification and technology. However, a detailed study of the flake tools in terms of classification, technology and function are not executed. Further studies with more detailed needs to be done because some of researchers consider the flake tools in Southeast Asia is amorphous. This is because the flake tools in Southeast Asia did not undergo reduction flaking up to trimming shape. This situation lead some researchers to conclude that the amorphous flake tools is aims to produce a secondary tools such as bamboo. Due to its amorphous nature, the typology of flake tools is difficult to determine. Therefore some researcher proposed to determine typology of flake tool based on their functions. So, flake tools from Bukit Bunuh 2010 is choosen in order to answer this issue. Besides that, flake tools at the Bukit Bunuh also can be further studied. To conduct this study, the integrated approach that involves both qualitative and quantitative methods are used. Qualitative research methods involve the analysis of a stereo microscope (low magnification), SEM (high magnification), image

analysis, classification analysis, flaking technology analysis, and petrographic analysis. While quantitative method is also involved measuring the morphology, EDX analysis (percentages of composition of elements), and a multivariate analysis which are cluster and factor analysis. The results of the study shows the classification of flake tools from Bukit Bunuh 2010 (BBh'10) can be classified into the four types of flake tools which are serrated, retouched, notched and pointed based on their morphological and technology attributes. This has been supported by quantitative data through clustering analysis. Analysis on the flake tools' technology through qualitative method shows there are possibilities of the core preparation technologies to produce flake. Besides that, Paleolithic society might have knowledge about the selection of a suitable rocks material to be used as a tool. Through experimentation and analysis on the function of the flake tools, there are possibility that flake tools from Bukit Bunuh (BBh'10) were used for sawing, whittling, scrape, scratch, slicing and drilling. Therefore, the study on flake tools from Bukit Bunuh 2010 contributed data on Paleolithic culture in Southeast Asia in terms of their classification, technology and function. In addition, this study also contribute in terms of usewear experimental data for impact rocks. In general, this study has provided a new perception of Paleolithic societies of Southeast Asia on the level of lithic technology knowledge and its technological capabilities as a means of adaptation by nomadic peoples.

BAB SATU

PENDAHULUAN


1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang tapak Paleolitik Bukit Bunuh 2010 (BBh' 10), Lenggong, Perak. Tapak BBh'10 ini merupakan tapak terbuka yang berfungsi sebagai bengkel pembuatan alat batu yang telah diekskavasi pada tahun 2010 oleh Nor Khairunnisa (2013). Hasil ekskavasi telah menemukan alat dan peralatan batu yang masih berada dalam keadaan *in-situ*. Alat repeh merupakan salah satu alat yang dijumpai di tapak BBh'10 yang terdiri daripada pelbagai jenis tipologi dan morfologi. Oleh itu, sebagai permulaannya, bab ini akan menerangkan tentang teknologi alat repeh serta kajian arkeologi di Bukit Bunuh termasuk isu dan masalah yang ada. Seterusnya akan dibincangkan tentang objektif, metod serta skop kajian.

1.2 ALAT REPEH: ISU DAN MASALAH DI ASIA TENGGARA

Alat repeh merupakan repehan batuan yang digunakan sebagai alat. Repehan ini diperoleh dengan merepehkan batu teras atau repehan yang terhasil semasa merepehkan pebel untuk dijadikan sebagai alat pebel (Inizan *et al.*, 1992:33-34; Andrefsky, 2005:13). Selain itu, repehan ini juga diperoleh daripada pecahan peralatan semasa membuat alat batu seperti pecahan daripada batu pemukul dan batu pelandas (Galán *et al.*, 2009; Whittaker, 2009; Guardiola *et al.*, 2015). Repehan hasil pemukulan manusia dapat dibezakan dengan repehan yang terpecah secara semula jadi berdasarkan kepada ciri-ciri seperti terdapatnya bulbar pemukulan, riak dan fisur

(Rajah 1.1) (Semenov, 1964; Anderson, 1980; Keeley, 1980; Dibble & Pelcin, 1995; Andrefsky, 2005, 2009).



Rajah 1.1: Terminologi alat repeh (A. Ciri-ciri alat repeh (selepas Inizan *et al.*, 1992), B. Ciri-ciri batu teras (selepas Inizan *et al.*, 1992) dan C. Perepehan batu teras untuk mendapatkan repehan (selepas Nonaka *et al.*, 2010)

Repehan yang terhasil dari batu teras, mempunyai mata tepi tajam terutama di bahagian sisinya (Rajah 1.1). Mata tepi tajam ini jika digunakan untuk aktiviti seperti menghiris dan sebagainya maka ia menjadi alat. Repehan ini boleh digunakan secara langsung atau mata tepinya dirapikan terlebih dahulu sebelum digunakan. Jika mata tepi alat repeh tumpul, ia berkemungkinan ditajamkan semula dengan cara merapikan mata tepinya.

Setengah penyelidik percaya bahawa alat repeh ini digunakan untuk kerja-kerja ringan iaitu berfungsi seperti pisau disebabkan ia bersaiz kecil dan ringan (Whittaker & Kaldahl, 2001; Burdukiewicz & Ronen, 2003; Andrefsky, 2009: 67; Lombard & Haidle, 2012: 244; Yang *et al.*, 2014:3). Sementara untuk kerja-kerja berat pula, alat lain digunakan iaitu alat pebel atau alat ketulan (Yang *et al.*, 2014:3). Alat pebel adalah alat yang diperbuat daripada kelikir sungai yang masih mempunyai bentuk pebel tetapi mempunyai mata tepi tajam yang telah direpehkan (Mokhtar, 1998).


Sementara alat ketulan pula berkemungkinan merupakan batu teras yang dirapikan mata tepinya untuk mendapatkan mata tepi tajam (Mokhtar, 1997;1998; Jeffrey, 2013: 2015). Alat pebel dan alat ketulan ini dikenali juga sebagai alat teras (*core tool*). Kedua-dua alat pebel dan alat ketul ini bersaiz besar dan berat jika dibandingkan dengan alat repeh. Oleh itu, secara umumnya masyarakat Paleolitik mempunyai dua jenis alat iaitu alat untuk kerja berat dan kerja ringan (Yang *et al.*, 2014:3).

Walau bagaimanapun, alat repeh di Asia Tenggara dikatakan bersifat amorfus iaitu tidak mempunyai bentuk tertentu yang boleh menggambarkan fungsi tertentu


(Reynolds, 1989, 1990; Pawlik, 1995; Zuraina, 1996, 1998; White & Gorman, 2004; Mokhtar, 2006; Marwick, 2007; Haidle & Pawlik, 2009; Patole-Edoumba, 2009). Alat repeh di Asia Tenggara juga tidak mengalami perapian bentuk malah perapian yang berlaku hanya tertumpu pada mata tepi. Hanya di tapak terbuka Tingkayu, Sabah sahaja yang jelas berlaku perapian bentuk alat repeh selain perapian mata tepi (Mokhtar, 2014).

Alat repeh di Barat pula, terdapat peringkat akhir perepehan iaitu perapian bentuk (Rajah 1.2). Malah terdapat penghasilan alat repeh yang mengalami perapian bentuk secara unifas atau bifas (Rajah 1.3). Antara jenis-jenis alat repeh yang dihasilkan adalah seperti pisau (*blade*) mata panah (*arrowhead*), bertirus (*pointed*), alat repeh melintang (*transverse point*), tirus dengan perapian (*tanged point*), burin, dan sebagainya (Debenath & Dibble, 1994). Alat-alat ini banyak dihasilkan sehingga boleh membentuk kelas-kelas yang tersendiri. Ini menunjukkan wujudnya teknologi penghasilan alat repeh tersebut.

Sungguhpun demikian terdapat juga alat repeh yang tidak mempunyai bentuk yang boleh menggambarkan fungsinya. Alat repeh yang tidak mempunyai bentuk ini kebanyakannya dikelaskan sebagai alat pengikis sama ada mata tepinya dirapikan ataupun tidak. Namun begitu ia masih dapat dikelaskan mengikut kepada jenis mengikut morfologi dan kedudukan mata tepinya seperti pengikis sisi (*side scraper*), pengikis hujung (*end scraper*), pengikis cembung (*concave scraper*), bertakik (*notch*) dentikulasi (*denticulation*) dan sebagainya (Debenath & Dibble, 1994).



Rajah 1.2: Perapian bentuk berlaku pada akhir peringkat perepehan (Inizan *et al.*, 1999)



Rajah 1.3: Jenis-jenis alat repeh yang jelas terdapat perapian bentuk dan mata tepi (Debenath & Dibble, 1994)

Di Asia Tenggara pula, hanya tapak terbuka Tingkayu sahaja yang mempunyai bentuk yang jelas (Mokhtar, 2014). Malah alat repeh di tapak terbuka ini didapati telah mengalami perapian bentuk secara bifas dan unifas. Ini menunjukkan bahawa penghasilan alat repeh di tapak Tingkayu telah mengalami beberapa peringkat perepehan sehingga kepada perapian bentuk

Walau bagaimanapun, kebanyakan alat repeh di Asia Tenggara dikatakan sebagai bersifat amorfus disebabkan tiada perapian bentuk alat. Ini menyebabkan setengah pengkaji berpendapat teknologi alat batu di Asia Tenggara adalah mundur. Malah ada yang percaya bahawa penghasilan alat repeh ini adalah untuk menghasilkan alat sekunder seperti buluh, kayu dan sebagainya (Pope, 1989; Dibble & Pelcin, 1995; Mokhtar & Jeffrey, 2007; Otte, 2010:275; Bar-Yosef & Wang, 2012; Hazarika, 2012; Gao, 2013:10).

Malah, Garis Movius yang membahagikan antara kawasan Barat dan Timur (Asia) telah dikaitkan dengan penggunaan buluh sebagai alat di kawasan Asia termasuk Asia Tenggara (Otte, 2010:273-275). Ini kerana kawasan sebelah timur ini dikatakan mempunyai banyak tumbuhan seperti buluh (Elton, 2008). Para pengkaji cuba mengaitkan teknologi litik dengan persekitarannya.

Walau bagaimanapun, idea tentang penggunaan alat sekunder seperti alat buluh ini masih lagi tidak jelas dan tiada bukti yang kukuh (Pawlik, 2004:10). Ini kerana alat dari bahan organik ini tidak bertahan lama maka bukti ini sukar diperolehi kecuali melakukan analisis kesan guna atau analisis sisa pada alat repeh tersebut. Analisis ini

bertujuan untuk mengesan kesan gunaan dan sisa yang terbentuk pada mata tepinya (Jahren *et al.*, 1997; West & Louys, 2007). Kesan guna pada mata tepi alat repeh lebih jelas terbentuk sekiranya digunakan pada media yang keras atau sederhana keras seperti buluh, kayu, rotan, tulang dan tanduk (Mijares, 2005). Maka, wujud beberapa pendekatan oleh para pengkaji untuk mengetahui fungsi alat iaitu pendekatan analogi etnografi, eksperimen arkeologi, analisis kesan guna, dan analisis kesan sisa (*residue analysis*) (Hardy, 2009).


Jika benar alat repeh di Asia Tenggara dihasilkan tanpa bentuk tertentu maka tipologi atau penjenisan alat repehnya perlu diketahui sama ada penjenisan atau tipologi alat repehnya boleh dilakukan ataupun tidak. Jika boleh, maka penentuan atribut yang sesuai perlu digunakan untuk menentukan tipologi alat repeh. Seterusnya membina klasifikasi alat repeh di Asia Tenggara. Oleh kerana alat repeh bersifat amorfus dan menyukarkan klasifikasi alat dilakukan maka ada yang mencadangkan ia dikelaskan mengikut kepada fungsinya.

Para pengkaji di barat juga telah mencadangkan pengkelasan alat repeh adalah berasaskan kepada fungsi sebagai penamaan tipologinya seperti pengikis (Cahen & Van Noten, 1971; Anderson, 1980; Dibble, 1987; Grace, 1990; Debenath & Dibble, 1994; Levi Sala, 1996; Brumm & McLaren, 2011). Namun begitu, alat repeh yang dikenali sebagai pengikis ini juga dapat dibahagikan mengikut kepada morfologinya (Dibble, 1987; Debenath & Dibble, 1994). Bagaimanapun, ada kemungkinan juga alat repeh yang berbeza digunakan untuk fungsi yang sama (Keeley, 1980).

1.3 ALAT REPEH DAN TEKNOLOGI PALEOLITIK DI LEMBAH LENGGONG

Lembah Lenggong dikatakan sebagai ibu kota masyarakat prasejarah (Zuraina, 2003). Prasejarahinya terdiri daripada empat zaman iaitu Paleolitik, Epipaleolitik, Neolitik dan Logam. Zaman Paleolitik adalah zaman yang masyarakatnya berteknologikan batu. Ia bermula daripada kemunculan manusia (sekitar 2.6 juta tahun dahulu iaitu Pleistosen Awal) sehingga di penghujung Pleistosen (Pleistosen Akhir) sebelum Holosen sekitar 10,000 tahun dahulu. Di Lembah Lenggong, zaman Paleolitiknya bermula sekitar 1.83 juta tahun dahulu berdasarkan kepada penemuan artifak kapak genggam dalam bongkah suevit batuan impak di Bukit Bunuh (Mokhtar, 2010: 82-83, 2011). Tapak-tapak Paleolitik di Lembah Lenggong adalah tapak-tapak terbuka. Sementara tapak-tapak gua pula yang terdapat di Lembah Lenggong adalah tapak yang mewakili Zaman EpiPaleolitik (Zolkurnian, 1998; Zuraina, 2003)

Kawasan Lembah Lenggong telah diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia di bawah UNESCO. Banyak tapak-tapak Paleolitik yang telah dikaji di kawasan lembah Lenggong ini, antaranya adalah Kota Tampan 1987 (Zuraina, 1996, 1998), Kota Tampan 2005 (Hamid, 2007), Kampung Temelong (Mokhtar, 1997; 1998), Gua Gunung Runtuh (Zuraina, 1996, 1998), Bukit Jawa (Zuraina, 1996), Gua Teluk Kelawar (Zuraina, 1996; Zolkurnian, 1998) dan sebagainya (Peta 1.1). Tapak-tapak di Lembah Lenggong ini terbahagi kepada dua iaitu tapak terbuka dan tapak gua. Tapak terbuka dikatakan berfungsi sebagai bengkel alat batu, manakala, tapak gua pula berfungsi sebagai tapak penghunian masyarakat prasejarah.



Peta 1.1: Lokasi Bukit Bunuh dan tapak-tapak kajian arkeologi di Lenggong, Perak.

Tapak-tapak terbuka di Lembah Lenggong yang dikatakan sebagai bengkel pembuatan alat batu ini dicirikan oleh kewujudan asosiasi antara peralatan batu, alat batu dan sisa kerja. Peralatan alat batu terdiri daripada batu pemukul, batu pelandas dan batu teras, manakala, alat batu pula terdiri daripada alat pebel, alat ketul dan alat reph. Terdapat juga alat batu yang telah siap dan yang belum siap. Kajian awal juga

mendapati sumber batuan untuk menghasilkan alat dan peralatan bagi tapak-tapak Paleolitik di Lembah Lenggong adalah daripada pebel-pebel sungai.

Alat repeh yang dijumpai di bengkel-bengkel pembuatan alat batu yang ditemui di Lembah Lenggong ini adalah dalam keadaan yang *in-situ* disebabkan oleh kedudukan asosiasi artifak yang jelas antara peralatan, alat batu dan sisa kerja. Selain daripada asosiasi yang jelas, stratigrafinya juga menunjukkan beradadalam keadaan *in-situ*. Oleh kerana keadaanya yang *in-situ* maka kajian klasifikasi alat repeh dan teknologinya amat penting untuk memahami kebudayaan masyarakat Paleolitik (Zuraina, 1996, 1998; Mokhtar, 1997,1998; Hamid, 2007; Nor Khairunnisa, 2013).

Kajian artifak litik yang telah dijalankan pada tapak-tapak di Lembah Lenggong adalah dari segi klasifikasi dan teknologi sahaja. Klasifikasi litiknya dibina berdasarkan atribut morfologi dan teknologi. Sementara teknologi pula, tertumpu pada material batuan, teknik pembuatan dan saiz. Walau bagaimanapun, kajian secara terperinci tentang teknik perepehan masih kurang. Oleh itu, untuk membincangkan teknik perepehan ini, analisis repehan atau alat repeh perlu dilakukan.

Klasifikasi artifak batu yang pertama dilakukan adalah artifak batu daripada tapak Kota Tampan 1987. Malah ia juga telah disokong oleh eksperimen pembuatan alat batu oleh Zuraina (1996, 1998). Pengkaji-pengkaji seterusnya seperti Mokhtar, (1997,1998, 2014) Hamid, (2007) dan Nor Khairunnisa (2013) telah menggunakan pendekatan klasifikasi yang digunakan oleh Zuraina (1996, 1998) di Kota Tampan 1987 (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Klasifikasi alat repeh dan teknik penghasilan alat batu tapak Paleolitik Lembah Lenggong

Tapak	Teknik	Klasifikasi alat repeh	Pentarikhan	Rujukan
Kota Tampan (1987)	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertakik • Bertirus • Bergerigi • Lain-lain campuran beraneka bentuk 	74,000 tahun dahulu.	Zuraina (1998, 1996) Mokhtar (1997,1998)
Kota Tampan (2005)	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Alat Repeh • Bergerigi • Bergerigi dan tirus • Bergerigi dan takik • Bergerigi, takik dan tirus • Betakik • Tirus • Takik dan Tirus 	70,000 tahun dahulu	Hamid (2007)
Temelong	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung (teknik repehan) • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertakik -satu takik • Bertakik -dua takik • Bertirus • Lain-lain alat repeh 	200,000-tahun dahulu (relatif)	Mokhtar (1997)
Bukit Jawa	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Alat repeh 	200,000 tahun dahulu (relatif)	Zuraina (1996) Mokhtar (1997)

Selain itu, kesemua tapak-tapak terbuka tersebut menunjukkan bahawa teknik pembuatan alat batu adalah berdasarkan tiga teknik utama iaitu secara langsung, secara tidak langsung dan teknik merapikan mata tepi. Teknik-teknik ini diketahui susulan daripada kajian di Kota Tampan 1987 (Zuraina, 1996, 1998). Kajian pada tapak terbuka yang lain oleh pengkaji seterusnya telah membuktikan dan menyokong kajian di Kota Tampan 1987. Maka kajian oleh Zuraina pada tahun 1987 pada tapak Kota Tampan telah menjadi rujukan kepada kajian tapak-tapak Paleolitik bengkel pembuatan alat batu di Lembah Lenggong.

Alat repeh tapak Paleolitik Lembah Lenggong telah dikelaskan sebagai bergerigi, berperimping, tirus, bertakik dan gabungan mata tepi serta lain-lain. Bagi alat repeh yang dikelaskan sebagai bergerigi adalah mata tepi yang tidak dirapikan dan terus digunakan. Sementara bertakik pula adalah dicirikan oleh mata tepi yang berbentuk "C" atau dirapikan. Jika terdapat kedua-dua jenis mata tepi ini pada alat repeh maka ia dikatakan sebagai gabungan mata tepi. Bagi alat repeh bertirus adalah alat repeh yang berbentuk tirus. Manakala, alat repeh yang tidak dapat dikelaskan atau tidak termasuk mana-mana jenis kumpulan alat repeh, ia dikelaskan sebagai alat repeh lain-lain. Oleh itu, pengelasan alat repeh yang telah dibuat adalah hasil gabungan berdasarkan kepada morfologi (bentuk) dan teknologi (jenis mata tepi).

Walaupun klasifikasi alat repeh dapat dibina namun klasifikasi tersebut masih kurang menggambarkan tentang teknologi alat repehnya. Malah alat repehnya telah diklasifikasikan sebagai bergerigi, tirus, bertakik dan gabungan serta lain-lain alat repeh. Klasifikasi ini tidak dihubungkan dengan data kuantitatif yang melibatkan data pengukuran ciri-ciri morfologi alat repeh. Malah sejauh mana jenis-jenis alat repeh yang dikelaskan berbeza antara satu sama lain tidak disokong oleh analisis statistik (analisis multivarian).


Selain itu, pemerhatian terhadap ciri-ciri morfologi alat repeh juga tidak diperincikan. Ini penting untuk mengetahui sama ada wujud pengetahuan teknik perepehan atau tidak oleh masyarakat Paleolitik di Lenggong. Sungguhpun, teknik pembuatan alat batu diketahui tetapi pemerhatian dan bukti dari segi morfologi alat repeh yang terhasil masih kurang menyokong kepada teknik perepehan yang digunakan oleh masyarakat Paleolitiknya. Selain itu, fungsi alat repeh juga tidak

pernah dilakukan sebelum ini. Hubungan jenis alat repeh dan material batuan dengan fungsi juga tidak disentuh oleh pengkaji sebelum ini.

Oleh itu, kajian terperinci tentang alat repeh masih kurang dan memerlukan kajian lanjutan untuk memahami tingkah laku masyarakat Paleolitik dan teknologinya. Maka, bagi tujuan tersebut alat repeh tapak BBh'10 dipilih disebabkan ianya mempunyai pelbagai jenis batuan iaitu berbutir halus dan kasar. Selain itu, materialnya terdiri daripada batuan impak yang belum pernah dikaji dari segi kesan gunaanannya. Maka diharapkan kajian alat repeh di BBh'10 dan eksperimen kesan guna menjadi rujukan pada tapak-tapak lain di Lembah Lenggong dalam memahami teknologi dan fungsi alat repeh.

1.4 LATAR BELAKANG BUKIT BUNUH

Kajian awal mendapati tapak Bukit Bunuh adalah tapak Paleolitik terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan sekitar 4 km² dan masih mempunyai banyak tapak-tapak terbuka yang *in-situ* (Mokhtar, 2006, 2010). Bukit Bunuh di Lembah Lenggong, Hulu Perak (Peta 1.2) berada pada kedudukan garis lintang 100° 58.5° Timur dan garis bujur 5° 4.5° Utara (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Bacaan kedudukan GPS (*Global Positioning System*) adalah pada altitud 98-103 m di atas aras laut. Tapak Bukit Bunuh ini terletak 10 kilometer ke selatan bandar Lenggong (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Sungai Perak adalah sungai yang terletak bersebelahan dengan kawasan Bukit Bunuh. Sementara itu, tapak terbuka yang paling hampir adalah tapak Kota Tampan yang terletak lebih kurang 4 km daripada kedudukan tapak Bukit Bunuh (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).



Peta 1.2: Kedudukan Lokasi Lembah Lenggong, Perak.


1.4.1 Geologi Bukit Bunuh

Geologi Bukit Bunuh adalah berbeza dengan kawasan lain di Lembah Lenggong yang mana kebanyakan tapak terbuka Paleolitik di luar kawasan Bukit Bunuh telah menggunakan batuan jenis kuarza dan kuarzit sebagai sumber batuan untuk membuat alat batu. Kawasan Bukit Bunuh dikatakan sebagai kawasan impak akibat hentaman meteorit yang berlaku sekitar 1.83 juta tahun dahulu (Moktar, 2010; Nor Kharunnisa, 2013). Berdasarkan kepada pentarikhan tersebut, menunjukkan impak telah berlaku


semasa Pleistosen Awal. Analisis imej penginderaan jauh menunjukkan bahawa Bukit Bunuh merupakan titik tengah impak tersebut (Jeffrey *et al.*, 2011) (Rajah 1.4).

Malah hasil daripada survei geofizik (Jinmin *et al.*, 2014) yang dilakukan juga telah membuktikan tafsiran kawasan impak tersebut (Peta 1.3). Kawasan impak tersebut dianggarkan mempunyai diameter sekitar 4 kilometer dan ia merupakan jenis kawah kompleks. Oleh sebab itu, tapak Bukit Bunuh adalah lebih unik kerana ia merupakan kesan tinggalan impak meteorit yang berlaku sekitar 1.83 juta tahun dahulu berdasarkan kepada penemuan kapak genggam (Mokhtar, 2010:82-83). Pada tahun 2007, Bukit Bunuh telah dikenal pasti sebagai tapak terbuka Paleolitik Awal yang tertua di Lembah Lenggong susulan daripada penemuan kapak genggam di dalam batuan suevit (Nur Asikin, 2013:6). Pentarikhan melalui kaedah *fission track* di Makmal Geokronologi di Jepun telah memberikan usia sekitar 1.83 juta tahun dahulu (Nur Asikin, 2013:6).


Melalui kajian survei dan pemetaan Nur Asikin (2013: 283), menunjukkan kawasan Bukit Bunuh dan kawasan sekitarnya terdiri daripada batuan impak meteorit atau dikenali sebagai impaktit. Batuan impaktit ini terdiri daripada batuan leburan impak, iaitu batuan suevit, batuan breksia polimik litik, batuan metamorf seperti kuarza dan batuan sedimen asalan terimpak seperti batuan kuarzit, dan kerijangan (Nur Asikin, 2013: 263) (Peta 1.4).



Rajah 1.4: A) Tafsiran struktur impak meteorit oleh Jeffrey *et al.* (2011) (A) dan Nur Asikin (2013) (B).



Peta 1.3: Hasil kajian geofizik menunjukkan kawasan tafsiran impak daripada imej penginderaan jauh (Rajah 1.4) adalah sama dengan data geofizik (Topografi permukaan 2D (atas) dan topografi batuan dasar (bawah) di Bukit Bunuh. (Selepas, Jinmin *et al.*, 2014)



Peta 1.4: Peta Geologi Lembah Lenggong selepas memasukkan unit Bukit Bunuh (Selepas Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, 1985).

Kehadiran batuan suevit ini menunjukkan ciri impak meteorit dan merupakan batuan yang dominan ditemui bertaburan di tengah kawah Bukit Bunuh (Nor Khairunnisa, 2013). Batuan suevit merupakan batuan yang bersifat breksia, iaitu berklasta yang bersudut dengan matrik yang halus dan terjadi akibat adanya kehadiran proses metamorfisme mengejut (Mokhtar, 2006). Wujud lamela yang berselang-seli pada mineral kuarza batuan suevit akibat terjadinya proses metamorfisme mengejut (Nor Khairunnisa, 2013). Proses metamorfisme ini telah menyebabkan batuan suevit ini sangat keras kerana telah berlaku peleburan (tekanan dan suhu yang tinggi) pada batuan asal di Bukit Bunuh (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Selain itu, mineral-mineral di dalam batuan suevit didapati telah terlebur, mengikat kuat antara keseluruhan mineral dan matriks batuan sehingga menyebabkan batuan menghasilkan saiz butiran yang kasar. Namun begitu, walaupun batuan suevit ini berbutir kasar, tetapi batuan ini bersifat keras dan tidak mudah pecah, tidak seperti batuan bumi biasa yang berbutir kasar kebiasaannya tidak keras dan mudah pecah (Nur Asikin, 2013).

Batuan terimpak jenis kerijangan pula adalah batuan sedimen asalan yang telah mengalami metamorfisme akibat hentaman meteorit dengan mengubah batuan asal sehingga menyerupai sifat kerijangan (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Batuan kerijangan mempunyai saiz butiran yang sangat halus kerana ikatan mineral-mineral mikrokristalin dan oksida besi memudahkan bahan asas bersaiz halus terbentuk (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Kuarza pula berkemungkinan telerang dalam batuan granit dan telah mengalami metamorfisme. Maka, batuan kuarza di Bukit Bunuh mempunyai lebih banyak retakan dengan arah yang tidak menentu (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Batuan kuarza yang terimpak ini adalah lebih berat dan keras berbanding batuan kuarza yang biasa. Ini kerana batuan kuarza Bukit Bunuh telah mengalami peleburan dan penghabluran semula akibat terimpak (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).


Batuan kuarzit juga berasal daripada batuan sedimen yang mengalami impak yang mengakibatkan ia termetamorf. Ia mempunyai saiz butiran yang halus, tetapi tidak sehalus butiran batuan kerijangan. Faktor impak meteorit telah menyebabkan perubahan saiz butiran bahan asas kuarzit menjadi halus. Walau bagaimanapun, ia tetap boleh dilihat saiznya dengan mata kasar (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

1.4.2 Kajian Arkeologi Terdahulu Di Bukit Bunuh

Kajian arkeologi di Bukit Bunuh telah berjaya membuka sebanyak empat tapak arkeologi. Empat tapak ini adalah tapak terbuka Paleolitik dan didapati masih dalam keadaan *in-situ* iaitu tapak Bukit Bunuh (BBh) 2001, 2003, 2008 dan 2010 (Peta 1.5).

Hasil daripada ekskavasi daripada keempat-empat tapak terbuka tersebut telah menunjukkan asosiasi artifak yang membuktikan bahawa tapak ini berfungsi sebagai bengkel pembuatan alat batu. Oleh kerana terdapat banyak bukti Paleolitik di

kawasan Bukit Bunuh maka kawasan Bukit Bunuh telah dinamakan sebagai Kompleks Bukit Bunuh.



Peta 1.5: Kedudukan tapak-tapak terbuka Paleolitik di Kompleks Bukit Bunuh.

Tapak Bukit Bunuh ini telah ditemui oleh Mokhtar sekitar tahun 2000 semasa menjalankan pemetaan tapak arkeologi (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Hasil daripada aktiviti pemetaan tersebut telah mendapati bahawa tapak ini berpotensi dalam mendedahkan bukti-bukti wujudnya kebudayaan masyarakat prasejarah di Bukit Bunuh (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Oleh itu, pada tahun 2001 sehingga 2003 Mokhtar (2004, 2006) telah menjalankan ekskavasi dengan membuka tapak Bukit Bunuh 2001 dan tapak Bukit Bunuh 2003. Rentetan daripada temuan artifak pada tapak terbuka Bukit Bunuh 2001 dan tapak Bukit Bunuh 2003, maka, ekskavasi telah diteruskan dengan membuka dua lagi tapak pada tahun 2008 dan 2010 oleh Nor Khairunnisa (2013) (Peta 1.5). Dua tapak ini telah diberikan penamaan sebagai tapak Bukit Bunuh 2008 dan tapak Bukit Bunuh 2010. Kedua-dua tapak 2008 dan 2010 secara umumnya mendedahkan jumpaan tapak bengkel alat batu secara *in-situ*.

Tapak Bukit Bunuh 2001 berada di bahagian timur Bukit Bunuh iaitu kira-kira 100 m daripada tapak Bukit Bunuh 2010, manakala tapak Bukit Bunuh 2003 berada 200 m daripada tapak Bukit Bunuh 2010 (Nor Khairunnisa, 2013), dan tapak BBH 2008 dan 2010 berada pada jarak yang berdekatan iaitu kira-kira 30 m antara satu sama lain. Ketinggian Bukit Bunuh adalah antara 104 m- 112 m di atas aras laut dan berada di cerun bukit di bahagian barat Bukit Bunuh.

Kini keempat-empat tapak terbuka ini berada di teres tanaman kelapa sawit. Berdasarkan hasil ekskavasi tapak-tapak terbuka Paleolitik di Bukit Bunuh didapati kesemua bahan asas yang digunakan adalah terdiri daripada batuan impak (Jadual 1.2). Batuan impak yang telah digunakan adalah terdiri daripada batuan suevit, kuarzit, kuarza dan kerijangan.

Bahan asas yang terdiri daripada batuan impak ini telah digunakan untuk menghasilkan peralatan dan alat batu. Manakala alat rekeh daripada batuan suevit

pula mencatatkan jumlah yang sedikit. Alat repeh yang menggunakan batuan suevit bagi tapak Bukit Bunuh 2008 adalah berjumlah sebanyak 20 (7%) dan Bukit Bunuh 2010 pula berjumlah sebanyak 56 (7%) (Nor Khairunnisa, 2013). Walaupun alat repeh yang menggunakan batuan suevit adalah berjumlah sedikit, tetapi batuan suevit tetap digunakan sebagai bahan asas untuk menghasilkan alat repeh.

Jadual 1.2: Klasifikasi dan teknik penghasilan alat batu tapak Paleolitik di Kompleks Bukit Bunuh

Tapak	Teknik	Klasifikasi alat repeh	Jenis Material	Pentarikhan	Rujukan
Bukit Bunuh (2001-2003)	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertakik • Bergerigi • Bertirus • Campuran 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerijangan • Kuarzit • Kuarza • Suevit 	39,000 + 2,600 t.d atau sekitar 40,000 tahun dahulu	Mokhtar (2004,2006)
Bukit Bunuh (2008)	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertakik • Bergerigi • Bertirus • Campuran 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerijangan • Kuarzit • Kuarza • Suevit 	270,000-320,000 tahun dahulu	Nor Khairunnisa (2013).
Bukit Bunuh (2010)	<ul style="list-style-type: none"> • Secara langsung • Secara tidak langsung • Perapian mata tepi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertakik • Bergerigi • Bertirus • Campuran 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerijangan • Kuarzit • Kuarza • Suevit 	490,000+2.00 0 tahun dahulu	Nor Khairunnisa (2013).

Batuan kerijangan dan kuarzit didapati banyak digunakan untuk menghasilkan alat repeh. Sebanyak 140 (49%) alat repeh daripada batuan kerijangan bagi tapak 2008, dan sebanyak 307 (40%) pada tapak Bukit Bunuh 2010 (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013). Ini menunjukkan sifat batuan kerijangan yang halus iaitu besaiz mikrokristalin yang mampu menghasilkan mata tepi alat repeh yang tajam dan terdiri daripada pelbagai bentuk alat repeh (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Batuan kuarzit juga menjadi pilihan masyarakat prasejarah Bukit Bunuh untuk menghasilkan alat reph. Bahan asas ini antara bahan asas yang banyak digunakan selain daripada batuan kerijangan. Alat reph yang terdiri daripada batuan kuarzit adalah sebanyak 76 (27%) daripada tapak Bukit Bunuh 2008 dan sebanyak 222 (29%) alat reph daripada tapak 2010 (Nor Khairunnisa, 2013). Batuan kuarzit menjadi pilihan masyarakat Paleolitik kerana mempunyai saiz butiran yang halus dan bersifat elastik. Maka, sifat elastik ini akan menghasilkan bentuk yang diinginkan oleh si pembuat alat dan menghasilkan mata tepi yang tajam. Selain daripada batuan suevit, kerijangan dan kuarzit, batuan kuarza juga didapati menjadi pilihan masyarakat Paleolitik Bukit Bunuh. Batuan ini menjadi pilihan kerana kepadatan, kekuatan, kekerasan dan ketumpatan batuan kuarza yang sesuai untuk kerja-kerja berat (Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Klasifikasi litik juga telah dibina hasil daripada kajian di Bukit Bunuh. Mokhtar (2010) yang telah mengkaji tapak Bukit Bunuh 2003, telah mengelaskan alat reph sebagai alat reph sahaja. Manakala ekskavasi yang melibatkan kajian yang terperinci juga adalah pada tapak Bukit Bunuh 2008 dan 2010 oleh Nor Khairunnisa (2013). Hasil kajian tersebut mendapati alat reph adalah alat batu yang paling banyak ditemui pada tapak Bukit Bunuh 2008 dan 2010.

Sebanyak 286 alat reph telah ditemui pada tapak Bukit Bunuh 2008 dan sebanyak 766 alat reph telah ditemui pada tapak Bukit Bunuh 2010. Klasifikasi alat reph bagi kedua-dua tapak ini dikatakan menggunakan atribut morfologi dan teknologi sama seperti yang digunakan pada a tapak terbuka di Lembah Lenggong iaitu tapak Temelong, Kota Tampan 1987, dan Kota Tampan 2005.

1.5 ISU DAN MASALAH ALAT REPEH BUKIT BUNUH

Berdasarkan hasil kajian terdahulu di Bukit Bunuh telah mendedahkan beberapa isu dan masalah seperti yang akan dibincangkan di bawah iaitu, teknologi alat repeh, klasifikasi dan tipologi alat repeh, fungsi alat repeh dan bahan asas alat repeh.

1.5.1 Teknologi Alat Repeh

Teknologi litik dikatakan melibatkan teknologi penghasilan alat batu, peringkat perepehan alat batu, teknologi perapian mata tepi, dan penggunaan bahan asas (Odell, 2000; Brantingham, 2003; Braun, 2005; Andrefsky, 2006; 2008, 2009). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak dilakukan secara terperinci terutamanya pada alat repeh tapak Bukit Bunuh dan tapak-tapak terbuka yang lain di Lenggong. Beberapa perkara yang tidak disentuh dalam kajian terdahulu misalnya kajian tentang morfologi mata tepi, jenis platform, penamatan perepehan, dan jenis pecahan.

Malah peringkat perepehan alat repeh yang melibatkan analisis kulit asal dan bilangan peringkat perepehan pada bahagian dorsal alat repeh (Deller & Ellis, 1992; Morrow, 1995; Morrow & Morrow, 1999) tidak disentuh secara terperinci. Alat repeh jenis berperingking turut juga ditemui tetapi tidak diperincikan tentang jenis dan kedudukan perapiannya.

Jenis dan kedudukan perapian ini penting untuk menggambarkan teknologi litiknya (Ahler, 1992; Keyser & Fagan, 1993; Andrefsky, 2006, 2008, 2009). Malah tidak

jelas hubungan material batuan sumber dengan teknologi litiknya terutama dari segi perepehan. Oleh itu, kajian terhadap teknologi alat repeh ini penting untuk memahami pengetahuan masyarakat Paleolitik dalam melakukan perepehan. Ketiadaan kajian yang terperinci ini, menyebabkan tiada bukti yang jelas tentang tahap teknologi masyarakat Paleolitik di kawasan Lenggong terutamanya Bukit Bunuh.

Tambahan lagi, analisis kuantitatif terhadap morfologi alat repeh tidak pernah dijalankan lagi. Analisis morfologi berdasarkan pengukuran atribut morfologinya dapat menentukan sama ada wujud perbezaan penghasilan alat repeh. Sekiranya terdapat kelompok yang berbeza morfologinya maka ada kemungkinan terdapat perbezaan penghasilannya dan kemungkinan juga alat repeh tidak bersifat amorfus jika terdapat cara penghasilan yang berbeza.

1.5.2 Klasifikasi Dan Tipologi Alat Repeh

Alat repeh di Bukit Bunuh dan kawasan Lenggong merupakan alat repeh yang bersifat amorfus tetapi mempunyai mata tepi yang tajam dan terdapat kesan guna pada mata tepinya. Sungguhpun, ia tidak mempunyai bentuk khusus atau dikenali sebagai amorfus, alat repeh di BBh' 10 ini telah dapat diklasifikasikan berdasarkan kepada atribut morfologi dan teknologinya.

Klasifikasi alat repeh tapak 2010 telah dibahagikan kepada enam jenis iaitu bergerigi, bertakik, bertirus, gabungan mata tepi bergerigi dan bertakik, bergerigi dan bertirus, serta bertakik dan bertirus (Nor Khairunnisa, 2013). Walau bagaimanapun,